

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI PERTAHANAN DI MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH HARI PERAYAAN SAMBUTAN JUBILEE INTAN KOLEJ MELAYU, KUALA KANGSAR, DI DEWAN BESAR KOLEJ MELAYU, KUALA KANGSAR PADA 26 JUN, 1965

D.Y.M.M. Sultan Pahang¹, D.Y.M.M. Sultan Perak², D.Y.M.M. Sultan-sultan, Tuan-tuan Yang Terutama Gabenor Pulau Pinang dan Melaka, Guru Besar, Guru-guru, Datuk Yang diPertua Persatuan Murid-murid Tua, Tuan-tuan dan Penuntut-penuntut sekalian yang hadir.

Saya berasa amat bangga disebabkan sebagai seorang murid tua Maktab ini dapat hadir bersama-sama dalam upacara menyambut Hari Ulang Tahun Jubilee Intan Maktab Melayu atau Malay College. Begitu juga saya fikir tuan-tuan dan penuntut-penuntut sekalian berasa besar hati dan bangga oleh sebab beberapa orang murid-murid tua dari seluruh cerok rantau negara kita telah dapat hadir bersama-sama di temasya yang bersejarah ini. Murid-murid tua Maktab ini, termasuklah Duli-duli Yang Maha Mulia Sultan-sultan, D.Y.M.M. Sultan Brunei, Tuan-tuan Yang Terutama Gabenor-gabenor dan juga pegawai-pegawai tinggi Kerajaan serta orang-orang yang ternama dalam semua lapangan perusahaan dan kehidupan di negara kita ini.

Maktab ini seperti yang tuan-tuan sekalian maklum, telah didirikan 60 tahun dahulu, untuk memberi latihan kepada putera-putera Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu, anak-anak orang ternama, pembesar-pembesar negara, supaya mereka itu dapat menerima pelajaran dan latihan yang sempurna untuk menyesuaikan diri mereka itu memegang jawatan mentadbirkan negeri-negeri Melayu itu. Pada 50 tahun lamanya dari tahun 1905 hingga tahun 1955 Maktab ini telah memenuhi tugas yang dikehendaki dengan sempurna dan ramai murid-murid yang keluar dari Maktab ini telah mendapat memegang jawatan-jawatan tinggi dalam pentadbiran Negeri-negeri dalam Semenanjung Tanah Melayu dahulu. Begitu juga Duli-duli Yang Maha Mulia dan tuan-tuan sekalian, murid-murid tua Maktab ini mengetahui bagaimana Maktab ini dijaga, ditadbir dari satu masa ke satu masa untuk memenuhi tujuan-tujuan dan kehendak yang sebenar. Di Maktab ini, latihan-latihan yang diberi bukan sahaja semata-mata untuk membolehkan

¹D.Y.M.M. Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah ibni Al-Marhum Al-Mu'tasim Billah Al-Sultan Abdullah.

²D.Y.M.M. Sultan Idris Al-Mutawakkil Alalahi Shah ibni Al-Marhum Sultan Iskandar Shah Kadasallah.

murid-murid mendapat sijil kelulusan - Sijil Senior Cambridge atau pun yang lain-lain — akan tetapi latihan-latihan yang diberi di Maktab ini ialah untuk membolehkan murid-murid, apabila sudah lulus dari Maktab ini, menjadi ketua-ketua, penganjur-penganjur di dalam negara kita ini. Dengan sebab itu latihan-latihan di Maktab ini berlainan dengan latihan-latihan yang didapati di sekolah-sekolah yang lain pada masa yang lampau di negara kita ini disebabkan di Maktab ini selain daripada latihan-latihan dan pelajaran yang didapati di bangku sekolah, latihan di luar bangku sekolah pun diutamakan juga supaya memberi didikan tingkah laku dan tatatertib untuk membolehkan murid-murid yang keluar dari Maktab ini menjelma kehidupan alam dunia dan dapat mengatasi masalah yang dihadapinya. Selain daripada latihan-latihan permainan olahraga yang memberi ajaran kepada kita iaitu jika hendak mendapat kejayaan dalam kehidupan kita, mustahaklah sentiasa mencuba dengan bersungguh-sungguh. Murid-murid yang belajar di bawah Tuan Basell tahu perkataan-perkataan yang sentiasa disebut-sebutnya iaitu - belum mati lagi mana boleh tak boleh - perkataan-perkataan ini menerangkan bahawa di dalam alam kehidupan kita ini, kita mustahaklah sentiasa menumpukan sepenuh-penuh usaha dan tenaga kita jika hendak mendapat kejayaan. Begitu juga kadang-kadang kita dibawa berjalan masuk hutan dan mendaki bukit dengan tujuan hendak menunjukkan iaitu kehidupan di alam ini sentiasa dihadapi oleh berbagai masalah dan kesukaran seperti kita mendaki bukit juga. Akan tetapi kalau kita tekun dan bersungguh-sungguh mendaki bukit itu, kita tetap akan sampai ke kemuncak. Begitu juga kehidupan di dunia, kalau betul-betul berusaha dan sentiasa menumpukan tenaga kita dalam apa jua pekerjaan dan perusahaan, kita akan sampai ke kemuncak yang tinggi sekali.

Pada tahun 1955 saya telah dapat hadir di temasya yang bersejarah bagi Maktab ini iaitu Temasya Jubilee Emas. Pada masa itu saya menjadi Menteri Pelajaran. Dalam ucapan yang saya telah buat di upacara itu pada masa itu, saya telah sebutkan iaitu menurut peredaran masa, disebabkan kita telah mengadakan pilihanraya kebangsaan dan tidak berapa lama lagi negara kita akan mencapai kemerdekaan, mustahaklah kedudukan Maktab ini diubah menurut dasar demokrasi yang kita amalkan iaitu Maktab ini bukan sahaja diuntukkan kepada putera-putera Duli-duli Yang Maha Mulia dan anak-anak pembesar-pembesar negara bahkan kepada murid-murid Melayu yang lain yang mempunyai kelayakan supaya Maktab ini sebenarnya terus menjadi tiang seri bagi pelajaran anak-anak Melayu dalam negara kita yang merdeka dan berdaulat ini. Oleh itu dengan dasar yang baharu ini Maktab ini telah diperbesarkan dan mengandungi beberapa kali ganda ramainya murid-murid daripada masa yang telah lalu. Sukacita saya mengetahui bahawa sungguhpun ada perubahan, perubahan kedudukan Maktab ini dan

dengan bertambah ramai bilangan murid-muridnya, Maktab ini masih lagi menjalankan dasar-dasarnya yang asal dan terus memberi latihan-latihan dan didikan kepada anak-anak Melayu dan bumiputera untuk mereka itu mengambil bahagian yang penting dalam pentadbiran dan perusahaan negara kita ini.

Nyatalah, Maktab ini ialah bertanggungjawab bagi mendidik ketua-ketua dan penganjur-penganjur yang berdasarkan demokrasi berparlimen. Pada fikiran saya, menjadi penganjur dalam lapangan tentera atau military lebih senang daripada menjadi penganjur dalam lapangan siasah dan pentadbiran. Penganjur dalam lapangan tentera ada mempunyai kesenangan-kesenangan dan kuasa-kuasa yang penting — tentera-tentera di bawahnya adalah menurut tatatertib dan mustahak sentiasa menerima perintah-perintah yang diberikan. Kuasa penganjur tentera tidak dapat ditentang oleh sesiapa asalkan Kerajaan ada kepercayaan kepadanya dan tidak payah mengambil hati ketua-ketua di bawah jagaannya. Akan tetapi seorang Perdana Menteri dalam negara yang berdasarkan demokrasi mustahak sentiasa memujuk dan tidak boleh setiap masa memerintah rakan-rakannya, Menteri-menteri yang lain dan setiap masa ia kena memandang kepada pengundi-pengundi, rakyat jelata, kerana dalam beberapa tahun — lima tahun sekali — ia terpaksa pergi menemui rakyat untuk mendapatkan perintah atau mandat yang baharu. Oleh itu nyatalah penganjur-penganjur dalam lapangan siasah dan pentadbiran ada mempunyai tanggungjawab dan terpaksa menghadapi masalah-masalah yang lebih penting, lebih susah daripada penganjur-penganjur dalam lapangan tentera.

Tuan-tuan sekalian, murid-murid yang sedang dalam bangku sekolah tidak berapa lama lagi akan menghadapi kehidupan dunia yang senang lenang dan akan menjadi ketua-ketua dan penganjur-penganjur dalam berbagai-bagai lapangan kehidupan di negara kita ini. Kepada murid-murid tua yang sudah pun menjadi bukan sahaja murid tua Maktab ini bahkan murid tua dunia, tentulah masalah ini tidak berbangkit lagi. Akan tetapi murid-murid tua yang masih muda tentu ada peluang lagi untuk menunjukkan kebolehan mereka itu di dalam berbagai lapangan samada dalam jawatan atau pun lapangan perusahaan yang mereka itu jalankan pada masa ini. Sungguhpun dunia berubah dan keadaan turut juga berubah, tetapi syarat-syarat yang dikehendaki bagi seseorang yang hendak menjadi ketua dan penganjur tidak berubah.

Kesimpulannya ialah tiga perkara: satu, kepercayaan atau dalam bahasa Inggerisnya *faith*, kepercayaan kepada kebolehan diri sendiri dan kepercayaan kepada kehasilan kepada perkara yang hendak dibuat itu, kedua, semangat tulus ikhlas, kejujuran atau *'sincerity'*; tiga,

keberanian atau 'courage'. Inilah tiga rukun yang mustahak dipunyai oleh seseorang yang hendak menjadi penganjur. Ia mustahak mempunyai sikap, pendirian yang pimpinan itu untuk menghadapi dan mendapat kemenangan dalam perlawanan siasah ekonomi, tipu helah dalam politik dan juga kenyataan politik dan bentuk Malaysia hari ini. Kita terpaksa bersedia untuk menghadapi keadaan-keadaan ini jika kita mahu kemajuan, kemakmuran dan memimpin negara kita yang dicintai ini.

Masalah pimpinan Malaysia adalah amat penting kerana sama ada Malaysia terus hidup atau tidak terletak pada sifat-sifat pemimpin-pemimpin Malaysia pada masa akan datang dan yang ada sekarang. Sama ada Malaysia terus menerus hidup subur, sama ada demokrasi akan terus hidup subur atau mati, sama ada kebebasan perseorangan akan terus menerus hidup di negara kita dengan bebasnya, terletak di atas corak pimpinan yang akan mengendalikan pemerintahan Malaysia.

Seperti tuan-tuan dan puan-puan maklum, parti-parti siasah berlawanan antara satu dengan lain untuk mendapat sokongan dari rakyat untuk memimpin mereka. Begitu juga ideologi-ideologi politik berlawanan antara satu dengan lain untuk mendapat sokongan dari rakyat. Negara kita ini terletak di suatu tempat yang sangat penting dari segi ketenteraan dan politik. Kerana negara kita di tengah-tengah dua benua, Tanah Besar Asia di utara dan Benua Australia dan New Zealand di selatan. Negara kita berkurun-kurun telah mendapat pengaruh-pengaruh politik, ugama, kebudayaan dari negara-negara China, India, Arab dan juga Eropah. Penduduk-penduduk negara kita yang berbilang bangsa ini menjadi masalah pimpinan yang penting dalam negara kita sekarang.

Soal pimpinan negara seperti negara Malaysia sebuah negara yang baharu boleh menarik pengikut-pengikutnya supaya menurut anjurannya dan ia mustahak tahu ke mana hendak dibawanya pengikut-pengikutnya itu dan apa sebenar-benarnya cita-cita dan tujuannya. Ia mustahak mempunyai kepercayaan yang penuh bahawa cita-cita dan tujuannya itu baik dan boleh dihasilkan.

Tuan-tuan sekalian, kita sekarang berada dalam alam yang huru-hara yang mempunyai fahaman dan pendapat atau ideologi yang bertentangan antara satu sama lain. Begitu juga kita sekarang berada dalam negara yang muda, yang baharu sahaja mencapai kemerdekaan dan mengambil tempatnya sebagai suatu negara yang merdeka dan berdaulat disamping negara-negara yang lain di dunia. Dengan itu tidak dapat tidak kita mempunyai masalah yang banyak dan kusut dan penganjur-penganjur kita pada masa yang akan datang mempunyai tanggungjawab

yang berat, lebih berat lagi daripada pengajur-penganjur kita pada masa yang telah lalu. Kita bertanggungjawab mengisi kemerdekaan yang telah kita capai itu dan kita bertanggungjawab membina suatu bangsa yang mempunyai taat setia yang tiada berbelah bagi kepada negara kita ini daripada rakyat negeri kita yang berasal dari berbagai bangsa itu, menjadi tanggungjawab kepada orang-orang Melayu atau bumiputera untuk menarik orang-orang daripada bangsa-bangsa asing yang telah menumpukan taat setianya kepada negara ini supaya bersatupadu dan bekerjasama dengan sepenuhnya.

Kita tahu masalah hendak menubuhkan suatu bangsa atau kebangsaan yang semacam ini adalah mengambil masa. Akan tetapi mustahak kita menjaga perhubungan baik di antara penduduk-penduduk di negeri ini supaya kita dapat menjamin keamanan dan kemajuan negara kita. Bagi pihak kerajaan Perikatan yang ada sekarang ini, Kerajaan faham bahawa dengan adanya kemerdekaan politik mustahak penduduk-penduduk negeri ini terutama orang-orang Melayu dan bumiputera mendapat peluang-peluang dan bahagian-bahagian yang lebih luas lagi dalam lapangan iktisad, perniagaan dan kemajuan negara kita. Dengan sebab itu selepas sahaja kita mencapai kemerdekaan dan selepas sahaja kita mengamankan tanahair kita ini daripada penganas komunis, Kerajaan telah menumpukan usaha dan tenaganya untuk kemajuan negara, untuk memberi kemudahan-kemudahan hidup kepada rakyat terutama sekali yang duduk di luar bandar dan di kampung-kampung. Sekarang ini Kerajaan telah meneruskan usaha-usahanya untuk meninggikan taraf hidup, hendak memberi rakyat peluang-peluang untuk lebih dalam lapangan iktisad dan p^aniagaan. Orang-orang Melayu dan bumiputera di negara kita ini tidak mempunyai kekuatan dan kebolehan untuk menjalankan usaha-usaha dalam lapangan iktisad dan perniagaan, dengan sebab itu mustahaklah Kerajaan dan juga orang-orang dari bangsa asing memberi pertolongan kepada orang-orang Melayu dan bumiputera supaya mereka itu boleh mendapat kemajuan dalam lapangan ini. Kerajaan adalah berazam hendak menjalankan dasar-dasar yang tertentu dan hendak menjalankan kehendak-kehendak dan hasrat-hasrat rakyat supaya rakyat negara kita ini dapat mempunyai taraf hidup dan kedudukan yang sempurna seimbang dengan rakyat-rakyat negeri-negeri lain yang telah merdeka dan telah mendapat kemajuan. Dengan itu tuan-tuan sekalian, kesimpulannya masalah-masalah yang dihadapi oleh orang-orang yang hendak menjadi ketua dan penganjur pada masa yang akan datang, seperti tuan-tuan, adalah berlainan daripada masa yang telah lalu.

Saya suka berucap sedikit berkenaan dengan pimpinan negara Malaysia pada masa hadapan. Peluang untuk memimpin atau menjadi

pemimpin Malaysia pada masa sekarang ini tidak ada sempadan dan saya berharap murid-murid Malay College akan sentiasa bersedia untuk menerima latihan pimpinan dan pada suatu hari kelak memimpin negara ini. Ini adalah cabaran saya kepada murid-murid semua. Pimpinan dalam Malaysia pada hari ini oleh kerana perubahan politik dan ilmu alam negara kita tidaklah cara tradisional lagi. Pimpinan hari ini mestilah dinamik, jujur dan tegas jika pimpinan itu untuk menghadapi dan mendapat kemenangan dalam perlawanan siasah ekonomi, tipu helah dalam politik dan juga kenyataan politik dan bentuk Malaysia hari ini. Kita terpaksa bersedia untuk menghadapi keadaan-keadaan ini jika kita mahu kemajuan, kemakmuran dan memimpin negara kita yang dicintai ini.

Soal pimpinan negara seperti negara Malaysia sebuah negara yang baharu muncul dan sedang maju dan baru sahaja mericapai kemerdekaan sangatlah penting. Corak pimpinan Malaysia akan menentukan untung nasib negara kita ini pada masa akan datang, akan menentukan cara hidup rakyat dan bentuk bangsa dan negara kita. Apakah corak pimpinan yang akhirnya akan menguasai kuasa politik di negara-kita ini? Disebabkan kita berdasarkan demokrasi dan kita mempunyai penduduk-penduduk daripada berbagai bangsa yang mustahak menunjukkan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada negara kita mustahaklah corak pimpinan itu menentang tekanan-tekanan politik dan kebudayaan di sekeliling kita di Tenggara Asia ini. Dalam masa kita dijahaj soal pimpinan tidak timbul. Disebabkan tidak mustahak kita mengambil berat di atas perkara ini pimpinan Malaya pada masa itu diserahkan bulat-bulat kepada Kerajaan British dan pegawai-pegawai Kerajaan. Waktu itu kita tidak mempersoalkan perkara politik — masing-masing menjaga kehidupan bersendirian dan kita tidak dipengaruhi oleh kuasa-kuasa, anasir-anasir atau pengaruh-pengaruh dari luar oleh sebab kita dilindungi oleh British. Gerakan-gerakan kebangsaan waktu itu pun pada umumnya tidak ada. Orang-orang Melayu membuat halnya sendiri, duduk berkeadaan sendiri, begitu juga orang-orang China dan orang India dan bangsa-bangsa lain. Soal hendak menubuhkan suatu bangsa yang meletakkan taat setianya kepada tanahair kita sepenuh-penuhnya tidak timbul. Saling mengerti dan perasaan persefahaman di satu bangsa dengan lain tidak timbul dan tidak digalakkan. Akan tetapi setelah peperangan dunia kedua, perasaan kebangsaan telah timbul dan cita-cita berkehendakkan kemerdekaan juga timbul dan dengan sebab itu soal menubuhkan suatu bangsa daripada berbagai-bagai bangsa di negara ini pun timbul. Rakyat di negara ini dikehendaki menumpukan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada negeri ini dan bersama-sama membina suatu negara yang baru yang merdeka dan berdaulat.

Apakah corak pimpinan yang dikehendaki pada masa ini? Pelajaran tinggi pada umumnya hanya boleh memberi permulaan kepada kita dalam lapangan hidup dan jika seseorang hendak menjadi pemimpin mustahaklah mempunyai pengetahuan, pengalaman dan kelebihan-kelebihan yang lain. Sebaik-baik pelajaran dan pimpinan ialah pelajaran dan pimpinan yang digunakan semata-mata untuk berkhidmat dan mengorbankan diri kepada negara, bangsa dan agama. Seseorang yang berpengetahuan tinggi tidak boleh mendakwa dirinya sebagai seorang pemimpin melainkan ia menggunakan pengetahuan itu untuk menolong rakyat yang miskin dan yang tidak bernasib baik untuk menolong membetulkan masyarakat yang kurang betul dan kurang adil. Mustahaklah ilmu pengetahuan, itu digunakan untuk mengatasi masalah-masalah kemiskinan rakyat di kampung-kampung. Pengetahuan dan pimpinan itu mestilah disamakan dengan cita-cita rakyat negara kita ini untuk mencapai kemakmuran, kebahagiaan hidup yang lebih sempurna dalam hidup mereka. Inilah corak pemimpin-pemimpin yang negara kita berkehendakkan iaitu negara yang baharu mencapai kemerdekaan dan yang ingin kepada kemajuan.

Malaysia berkehendakkan sebanyak-banyak pemimpin-pemimpin yang tulus ikhlas, tekun dan taat setia yang bersedia berkhidmat untuk kebajikan dan kesenangan rakyat dan kemakmuran negara. Kita berkehendakkan pemimpin-pemimpin yang menjuarakan perpaduan baik dan perasaan muhibbah yang jujur, yang sentiasa bercakap menguatkan perpaduan baik antara kaum dan mencari ikhtiar untuk menyelesaikan masalah-masalah di negara kita ini dengan cara baik dan realistik. Kita mahu pemimpin-pemimpin yang mengetahui bagaimana masalah-masalah kaum di Malaysia ini dapat diselesaikan berdasarkan kepada keadaan yang ada pada masa ini. Mereka yang menggunakan perkauman untuk mendapat sokongan dalam politik tidak akan kekal lama dalam medan siasah kerana saya yakin rakyat Malaysia adalah praktikal, mereka cerdik, pandai dan tahu mana perkara yang benar, perkara yang jujur dan ikhlas. Saya tahu penduduk-penduduk negeri ini, termasuk kawan-kawan kita orang-orang Cina tidak akan membahayakan kedudukan politik dan keamanan negeri ini untuk seseorang 'politician' atau pemimpin yang menggunakan taktik yang tidak sesuai dan terkeluar dari saluran politik kebangsaan kita. Kerana saya percaya mereka itu sedar jika mereka itu menyokong puak-puak yang semacam ini nescaya akan timbul pecah belah di antara kaum-kaum di negeri ini dan dengan itu perpaduan negara akan hancur dan kita tidak boleh hidup rukun damai dan negara kita akan juga hancur.

Murid-murid sekalian yang ada pada hari ini akan menjadi pemimpin pada suatu masa kelak dan akan mendapat jawatan yang tinggi baik dalam pentadbiran, perdagangan dan perusahaan dan lain-lain lagi.

Kepada mereka yang bercita-cita hendak masuk ke medan politik dan juga pentadbiran, saya siika menyatakan bahawa adalah keadaan telah berubah dari masa-masa yang lampau. Keadaan pentadbiran awam kita pun adalah berubah kerana cara di bawah penjajah dahiilu tidak lagi sesuai digunakan. Mustahak Mta adakan, cara bentuk pentadbiran yang sesuai dengan negara kita yang merdeka dan berdaulat dan menurut kehendak dan hasrat dan jiwa rakyat kita. Kita sungguh bernasib baik sebab dapat mempunyai Public Service yang ditinggalkan-oleh Kerajaan British yang baik, tegap, bersih, akan tetapi mustahak kita baiki lagi jentera pentadbiran kita supaya bersesuaian dengan keadaan negara kita yang merdeka ini. Kita berkehendakkan pegawai-pegawai yang progresif yang sedia bekerjasama dengan sepenuh-penuhnya dengan pemimpin-pemimpin politik untuk menjadikan Malaysia negara kita ini sebuah negara yang maju, makmur dan bahagia.

Kita berasa syukur ke hadrat Tuhan kerana dalam lima tahun yang lalu Kerajaan kita dengan kerjasama yang diberikan oleh pegawai-pegawai pentadbir, dapat menjalankan rancangan-rancangan pembangunan dengan jayanya dan dengan sempurna. Akan tetapi kita berazam hendak meneruskan rancangan-rancangan ini, hendak memberi rakyat kebahagiaan hidup yang lebih lagi. Dengan sebab itu kita berkehendakkan pemimpin-pemimpin dan pegawai-pegawai yang penuh dengan semangat dan sedia mengorbankan usaha dan tenaga untuk bangsa dan negara.

Saya sangatlah sukacita pada hari ini mendapat peluang berucap kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian dan berpeluang berada balik di Maktab tempat saya belajar buat beberapa lamanya. Pada masa beginilah saya rasa terharu kerana saya berasa seolah-olah saya muda semula dan dalam perasaan inilah saya berharap murid-murid di Maktab ini betul-betul mempunyai cita-cita yang besar kerana tuan-tuanlah yang akan mencerminkan apakah corak Malaysia pada masa akan datang. Saya percaya murid-murid di Maktab ini akan terus menerus seperti murid-murid tua lain memainkan peranan yang besar dalam pimpinan negara ini. Pada tuan-tuan semuanya terserah untung nasib Malaysia — sama ada Malaysia akan maju jaya atau tidak terpulanglah kepada tuan-tuan sekalian sebab pada suatu masa kelak tuan-tuanlah yang akan menggantikan pemimpin-pemimpin negara yang ada sekarang. Negara kita negara muda dan separuh daripada penduduk-penduduknya adalah daripada orang-orang muda maka kepada pemuda-pemuda dan pemudi-pemudilah negara kita bergantung nasib pada masa akan datang. Saya berharap dan saya berseru kepada tuan-tuan dan murid-murid sekalian supaya menyahut dan menerima seruan daripada ibu pertiwi kita sebab kita berkehendakkan pemimpin-pemimpin yang jujur dan ikhlas dengan banyaknya.

Dengan negara kita mencapai kemerdekaan mustahak kita memandang dengan pandangan yang lebih luas kerana sekarang ini negara ini bukan sahaja Persekutuan Tanah Melayu bahkan telah menjadi Malaysia dan penduduk-penduduk negara ini daripada bumiputera di Sabah dan Sarawak ada yang sama sebangsa dengan orang-orang Melayu dan kita mustahak memberi pertolongan dan timbangan yang sama dengan orang-orang Melayu. Begitu juga di negara kita ini ada penduduk-penduduk daripada bangsa-bangsa asing yang telah menjadi warganegara kita ini dan telah bersetuju hendak menumpukan taat setia mereka itu kepada negara ini, mustahaklah kita memberi timbangan dan layanan kepada mereka itu dengan sewajarnya menurut Perlembagaan negara kita. Kita berdasarkan demokrasi dan kita mempunyai Perlembagaan yang menjaga hak-hak dan hak-hak asasi yang tertentu dan Perlembagaan itu mempunyai tujuan yang membolehkan kita memberi kelebihan-kelebihan kepada rakyat negeri ini dengan tidak mengambil hak orang lain. Oleh itu di bawah Perlembagaan negara kita, rakyat negeri ini daripada semua bangsa boleh hidup dengan aman damai dan boleh mempunyai tempat yang sempurna. Dengan sebab itu, tuan-tuan sekalian anjuran yang tuan-tuan akan beri pada masa yang akan datang bukan sahaja kepada orang-orang Melayu bahkan kepada bumiputera yang lain dan kepada rakyat negeri ini yang berasal daripada bangsa-bangsa lain. Inilah kesimpulannya, seperti saya katakan tadi, syarat-syarat bagi seseorang yang hendak menjadi penganjur itu tidak bertukar akan tetapi tanggungjawab bertambah dan keadaan berubah. Dengan sebab itu saya ucapkan kepada tuan-tuan sekalian selamat maju jaya dan saya berdoa dengan tamatnya usia 60 tahun Maktab ini akan bertambah maju dan akan dapat mendidik dan mengeluarkan ramai lagi penganjur-penganjur yang masyhur pada masa yang akan datang.

Sekian sahaja, terima kasih.